

03/05/1998

PM puji cara hotel tangani kegawatan

LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan langkah beberapa pengusaha hotel di pulau ini yang menawarkan harga istimewa kepada pelancong dalam usaha menangani kesan kegawatan ekonomi sekarang.

Langkah itu termasuk memberi kadar potongan penginapan yang tinggi iaitu antara 45 hingga 50 peratus sebagai tarikan bagi menggalakkan kemasukan lebih ramai pelancong ke pulau ini.

Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Datuk Abdul Halil Mutalib, berkata Perdana Menteri yang dalam percutiannya ke pulau ini sejak petang Khamis lalu sempat melawat beberapa hotel bertaraf lima bintang.

Dr Mahathir meninjau sejauh mana sambutan pelancong ke Langkawi ketika negara dilanda krisis ekonomi.

"Apa yang didapati ialah sambutan pelancong di hotel bertaraf lima bintang tidak begitu terjejas kerana jumlah tempahan bilik menjangkau antara 80 hingga 100 peratus.

"Malah, sebuah hotel bertaraf lima bintang, Berjaya Langkawi Beach and Spa Resort yang dilawati kelmarin penuh 100 peratus, 80 peratus daripadanya adalah pelancong asing," katanya.

Abdul Halil memberitahu pemberita demikian selepas menghantar Dr Mahathir dan isterinya, Datin Seri Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat di sini, pagi semalam.

Dalam lawatan tidak rasmi dua hari itu, Perdana Menteri turut meninjau hotel The Datai, Andaman dan Sheraton.

(END)